

✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTW 101 – PENGANTAR PENGURUSAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda mulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Soalan 1:

Struktur organisasi adalah merupakan konsep yang menerangkan kedudukan dan aliran kerja bagi setiap individu dalam organisasi.

- (a) Terangkan lima bentuk struktur organisasi (atau penjabatanan).
- (b) Lakarkan gambarajah bagi struktur organisasi yang diterangkan.

(100 markah)

Soalan 2:

Carta organisasi menerangkan kedudukan individu; dan ia juga menyatakan kuasa yang dimiliki oleh individu tersebut. Senarai dan huraikan lima jenis kuasa yang dimiliki oleh seorang ketua. Berikan contoh yang berkaitan (jika perlu).

(100 markah)

Soalan 3:

Jabatan sumber manusia memastikan pengambilan pekerja menepati kelayakan calon dengan bidang kerja. Terdapat pelbagai sumber bagi jabatan tersebut untuk mendapatkan calon yang terbaik.

Bincangkan lima sumber yang boleh membantu jabatan sumber manusia untuk mendapatkan pekerja yang ideal. Terangkan proses pengambilan pekerja yang perlu dilakukan oleh pengurus sumber manusia.

(100 markah)

Soalan 4:

Kawalan adalah proses memantau aktiviti perniagaan dan memastikan pencapaian matlamat organisasi berdasarkan perancangan. Seterusnya perbandingan akan dilakukan oleh pengurus mengenai pencapaian sebenar dengan perancangan. Perbezaan yang didapati selalunya memerlukan tindakan segera dari pengurus tersebut untuk memperbaiki keadaan perniagaan.

Bincangkan tiga langkah yang perlu dilaksanakan oleh pengurus dalam memantau perjalanan perniagaan. Huraikan tindakan yang perlu dilakukan oleh pengurus untuk mengatasi perbezaan tersebut.

(100 markah)